



17 MAR, 2023

## Graduan pertanian ramai dapat kerja

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

# Graduan pertanian ramai dapat kerja

**PUTRAJAYA** — Kadar kebolehpasaran graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pusat-pusat latihan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara puratanya mencapai antara 65 hingga 73 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan tersebut merupakan data yang direkodkan dalam tempoh lima tahun.

Katanya, kadar kebolehpasaran terkini sehingga 28 Februari lalu mencatatkan 69.5 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan.

Menurutnya, kebanyakannya mereka yang menamatkan pengajian berjaya selepas menceburkan diri dalam bidang agromakanan, selain menjadi usahawan.

"Ada juga yang melanjutkan pelajaran, namun lebih 70 pe-

ratus dapat pekerjaan, jadi itu tinggi lah dalam bidang ini."

"Kalau kita lihat graduan yang mengambil kursus-kursus lain di universiti-universiti belum tentu dapat capai peratusan tersebut dalam keadaan ekonomi ketika ini."

"Yang bergraduasi dalam bidang penternakan, kita harap mereka terus berkecimpung dalam bidang sama kerana negara masih lagi mengimpor 80 peratus daging lembu dan kambing."

"Jadi peluang ini masih terbuka luas untuk mereka yang ingin terlibat," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 Tahun 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Sementara itu, dalam ucapannya, Mohamad berkata, seramai 629 graduan berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2022.

Ia yang terdiri daripada 101 graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 306 graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 156 graduan Sijil Pertanian, 45 graduan Sijil Veterinar Malaysia, 20 graduan Sijil Perikanan serta lapan penerima anugerah khas.

Tambahnya, sejak penubuhan pusat-pusat latihan berkenaan pada 1969, ia berjaya mengeluarkan seramai 22,667 graduan terlatih dalam bidang pertanian dan agromakanan.

"KPKM melalui institut dan pusat latihan di bawah jabatan dan agensinya akan sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum yang digunakan."

"Selain itu, ia turut memperuntukkan sumber kewangan mencukupi bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi pelaksanaan program latihan yang dirancang," ujarnya.



GRADUAN bidang pertanian mendapat permintaan tinggi di pasaran kerjaya. — GAMBAR HIASAN



17 MAR, 2023

## Graduan pertanian ramai dapat kerja

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

PUTRAJAYA - Kadar kebolehpasaran graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pusat-pusat latihan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara puratanya mencapai antara 65 hingga 73 peratus. Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan tersebut merupakan data yang direkodkan dalam tempoh lima tahun. Katanya, kadar kebolehpasaran terkini sehingga 28 Februari lalu mencatatkan 69.5 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan. Menurutnya, kebanyakan mereka yang menamatkan pengajian berjaya selepas menceburkan diri dalam bidang agromakanan, selain menjadi usahawan.